

Mahathir perjelas EAEG

BANGSA-BANGSA BERSATU, Rabu — Perdana Menteri hari ini menjelaskan kepada perhimpunan agung Bangsa-Bangsa Bersatu di sini bahawa Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) bukanlah blok perdagangan tetapi forum untuk negara-negara anggotanya menyorakan pandangan di persidangan antarabangsa.

Menurutnya, negara-negara miskin perlu bergabung supaya mendapat perhatian di peringkat antarabangsa.

"Saya hairan mengapa objektif EAEG ini ditentang ke-

ras oleh negara yang kononnya memperjuangkan perdagangan bebas. Adalah lebih menghairankan apabila penubuhan Nafta tidak mendapat tentangan seperti EAEG.

"Adakah apa yang dilakukan oleh negara kaya itu betul tetapi apabila dilakukan oleh negara miskin ia menjadi salah," katanya.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan ekonomi di negara miskin tidak boleh bergantung pada pasaran dalam negeri saja. Untuk maju, nega-

ra-negara miskin harus mendapat bantuan atau dibenarkan memasuki pasaran luar.

"Negara-negara miskin tidak boleh berdagang sendiri, berbeza dengan negara-negara kaya kerana sebab yang kita sendiri tahu," katanya.

Katanya, GATT ditubuh untuk memajukan perdagangan bebas dan adil tetapi bagaimana negara miskin boleh menyuarakan pandangan di sidang GATT sedangkan blok perdagangan besar memonopoli sidang itu.